

Ahli dim'inta kukuhkan UMNO

UM 20 JUN 2003

KUALA LUMPUR 19 Jun — Pemimpin-pemimpin veteran UMNO hari ini mengingatkan semua ahli parti agar memberi tumpuan kepada usaha mengukuhkan UMNO serta mengetepikan kepentingan diri sendiri.

Mereka berpendapat antara ancaman terbesar kepada UMNO ialah akibat daripada sikap ahli sendiri sebagaimana dibangkitkan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ketua UMNO Bahagian Gua Musang, **Tengku Razaleigh Hamzah** berkata, unsur-unsur sabotaj yang dilakukan oleh ahli UMNO berlaku di semua peringkat.

Bekas Menteri Kewangan itu berpendapat masalah berkenaan timbul akibat sikap segelintir pemimpin UMNO sendiri yang meminggirkan ahli UMNO.

Katanya, tindakan meminggirkan ahli itu menyebabkan ahli parti merasa kecewa dan sukar mendapat tempat seperti mana yang berlaku suatu ketika dahulu.

"Saya kira kalau pimpinan parti mengambil kira semua pihak, ajak semua

pihak melibatkan diri dan tidak 'memmingirkan sesiapa, saya rasa perkara ini boleh diatasi," katanya.

Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung UMNO Ke-54 di sini, mengingatkan ahli UMNO mengenai unsur-unsur sabotaj yang dilakukan sendiri oleh ahli parti.

Ancaman masih ada ialah kesanggupan sesetengah pemimpin dan ahli mensabotaj parti kerana kecewa dan sanggup melihat parti sendiri kalah dan parti lawan menang dalam pilihan raya, kata Dr. Mahathir.

Bekas Timbalan Presiden UMNO, **Tan Sri Musa Hitam** pula enggan mengimbas kembali perpecahan UMNO yang berlaku pada 1987.

"Itu sudah menjadi sejarah, jangan dikacau lagi," katanya ketika diminta mengulas mengenai peristiwa yang membawa kepada pengharaman UMNO itu.

Menurutnya, ucapan Dr. Mahathir mengenai bahaya unsur sabotaj itu merupakan peringatan kepada ahli-ahli UMNO agar tidak menimbulkan masalah kepada parti.

Seorang lagi bekas, Timbalan Presiden UMNO, **Tun Abdul Ghafar Baba** berharap kata-kata perangsang Dr. Mahathir itu dapat menjadi penawar kepada ahli parti untuk kembali mengukuhkan perpaduan UMNO.

Katanya, unsur-unsur sabotaj terhadap UMNO di kalangan ahli parti itu sendiri telah lama berlaku sejak dahulu lagi dan perlu dijadikan peringatan oleh semua pihak.

Setiausaha Agung Barisan Nasional, **Tan Sri Mohamed Rahmat** pula meminta ahli-ahli UMNO mengambil pengajaran daripada peristiwa pengharaman parti pada 1987 yang berpunca daripada unsur-unsur sabotaj.

"Oleh itu mulai sekarang, kita semua mesti bersungguh-sungguh untuk menentukan bahawa UMNO tidak menghadapi masalah dan parti tidak akan mati sekali lagi," katanya.

Beliau berharap semua ahli UMNO mempunyai sifat jujur mengukuhkan parti dengan mengetepikan kepentingan individu serta kumpulan tertentu.